



**SURAT PEMBERITAHUAN  
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG **PERATURAN 38(b)**

**Hanya dibukakan bagi pemohon daripada kalangan pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat di kementerian / jabatan di mana kekosongan jawatan diiklankan sahaja.**

**ARKITEK KERJA (B.3)  
JABATAN KERJA RAYA  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

=====  
**Surat Pemberitahuan ini hendaklah dibawa kepada pengetahuan serta perhatian semua Pegawai-Pegawai yang layak untuk memohon**

**Syarat-Syarat Am:**

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon adalah dipelawa daripada Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat **di Jabatan Kerja Raya.**
- (C) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (D) Bersedia untuk bertugas pada bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana- mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.



**1. ARKITEK KERJA  
JABATAN KERJA RAYA  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN  
B.3 (\$3,880 - \$4,240 SEBULAN)  
KEKOSONGAN = SATU (01)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

- 1) a) Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Arkitek (*part 1 RIBA*) dan *Postgraduate* Diploma dalam bidang Arkitek (*part 2 RIBA*) atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

- b) Telah berkhidmat di Jabatan Kerja Raya sebagai Arkitek atau dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji B.2 EB.3 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun.
2. Mestilah mempunyai kelulusan profesional (*Chartered*) seperti menjadi ahli kepada *The Royal Institute of British Architects, United Kingdom (MRIBA)* atau sebanding.
3. Berdaftar sebagai Arkitek, Jurutera Profesional atau Juruukur Bahan di Lembaga Arkitek, Jurutera Profesional dan Juruukur Bahan Brunei Darussalam (*BAPEQS*) dan tidak mansuh.
4. Mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.

**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

**JABATAN PERKHIDMATAN TEKNIKAL, JABATAN KERJA RAYA**

1. Membantu Arkitek Kanan dalam pengurusan projek dan pentadbiran kakitangan Bahagian Arkitek;
2. Membantu Arkitek Kanan dalam memastikan semua projek dilaksanakan mengikut Piawaian Sistem Antarabangsa *ISO 9001;2000*, Peraturan Kewangan 1983 dan undang-undang lain yang berkuatkuasa;



3. Memastikan semua projek di bawah jagaannya dilaksanakan mengikut jadual, peruntukan yang disediakan dan kualiti yang bersesuaian;
4. Menyelaras pelaksanaan projek dengan kumpulan kerja projek, Jabatan-Jabatan dan agensi-agensi Kerajaan yang berkenaan;
5. Menyelaras penyediaan anggaran perbelanjaan bagi semua projek di bawah jagaannya;
6. Bertanggungjawab mengenai pemantauan tugas dan hal ehwal semua pegawai dan kakitangan di bawah jagaannya;
7. Menjadi penolong kepada *management representative* dalam memastikan pelaksanaan sistem pengurusan yang diamalkan seperti yang diarahkan;
8. Mengemaskinikan laporan bulanan projek bila / jika diperlukan oleh Arkitek / Arkitek Kerja;
9. Menjadi ketua kepada kumpulan pelaksanaan projek;
10. Menjadi pengurus projek bagi tiap-tiap projek di bawah jagaannya;
11. Menjadi pengerusi mesyuarat kemajuan projek serta memantau kemajuan tiap-tiap projek di bawah jagaannya; dan
12. Melaksanakan apa jua tugas dan tanggungjawab seperti yang diarahkan oleh Arkitek Kanan.